Kenyataan Media

MCMC BUKA KERTAS SIASATAN TERHADAP PEMPENGARUH MEDIA SOSIAL

CYBERJAYA, 28 April 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengesahkan bahawa siasatan terhadap seorang pempengaruh media sosial telah dijalankan berikutan aduan yang diterima daripada orang awam mengikut peruntukan di bawah Akta Komunikasi & Multimedia (AKM 1998).

Bertindak atas aduan rasmi yang diterima, dua (2) sesi rakaman percakapan dan siasatan lanjut telah dijalankan di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya pada 25 dan 28 April 2025.

Siasatan awal mendapati kandungan yang dikaitkan dengan pempengaruh berkenaan melibatkan penyebaran maklumat palsu yang mengaitkan Institusi Diraja dengan dakwaan tidak berasas, selain cubaan untuk mendedahkan maklumat peribadi individu tanpa kebenaran dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu mana-mana orang. Tindakan ini berpotensi mencetuskan kegusaran awam, menyemarakkan fitnah, mengundang ancaman terhadap keselamatan individu terlibat serta melanggar undang-undang komunikasi dan perlindungan data peribadi.

MCMC menegaskan bahawa semua aduan akan disiasat berlandaskan undang-undang tanpa mengira status, populariti atau pengaruh individu terlibat. Setiap siasatan dijalankan secara profesional, berlandaskan prosedur yang adil serta mengikut peruntukan undang-undang di bawah AKM 1998, dan merupakan langkah awal untuk mengumpul maklumat berkaitan.

MCMC mengingatkan orang ramai bahawa sebarang penyebaran kandungan yang menyentuh isu 3R (agama, kaum dan Institusi Diraja), bersifat mengancam, mengganggu, atau menceroboh privasi individu adalah satu kesalahan serius dan boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan sedia ada.

LAMPIRAN GAMBAR

Rakaman percakapan diadakan di Ibu Pejabat MCMC Cyberjaya, 28 April 2025.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV